

TR: 1:6:65

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI SEMASA
BACAAN KALI KEDUA THE TIMBALAN YANG DI-
PERTUAN AGONG (REMUNERATION) (AMENDMENT)
BILL' DI DEWAN RAKYAT PADA 3 JUN, 1965**

Tuan Yang Dipertua, saya pohon mencadangkan supaya The Timbalan Yang di-Pertuan Agong (Remuneration) (Amendment) Bill, 1965', dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu Bill yang sangat pendek, tujuannya ialah untuk menambah Peruntukan di-Raja bagi Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum iaitu sebelum 1 Januari, 1964, Peruntukan di-Raja bagi Yang di-Pertuan Agong ialah \$15,000.00 sebulan dan perbezaan di antara Peruntukan di-Raja ini dengan Peruntukan di—Raja bagi Timbalan Yang di-Pertuan Agong ialah hanya \$500.00 sebulan. Tetapi mulai 1 Januari, 1964, Peruntukan di-Raja bagi Yang di-Pertuan Agong telah ditambah menjadi \$19,000.00 sebulan. Oleh kerana itu pada masa ini perbezaan di antara Peruntukan di-Raja itu ialah \$4,500.00 sebulan. Oleh itu perlulah juga diingatkan iaitu tugas-tugas dan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong adalah sama. Fasal 2 (i) dalam Undang-Undang ini menyebut iaitu Peruntukan di-Raja yang tersebut dalam Undang-Undang ini hendaklah dibayar masa Baginda menjalankan kerja-kerja dan menggunakan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong sahaja dan tidak menerima Peruntukan di-Raja sebagai Raja yang memerintah di negeri Baginda sendiri.

Ada di antara Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan yang menerima Peruntukan di-Raja lebih daripada \$14,500.00 sebulan. Baharu-baharu ini Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu¹ telah menjalankan kerja-kerja dan menunaikan kewajipan Yang di-Pertuan Agong selama lebih kurang satu bulan. Peruntukan di-Raja Baginda ialah \$15,000.00 sebulan dan oleh itu dicadangkan supaya Peruntukan Timbalan Yang di-Pertuan Agong itu hendaklah dijadikan \$18,000.00 sebulan. Dalam Rang Undang-Undang ini ada juga syaratnya iaitu Duli Yang Maha Mulia Sultan yang menerima Peruntukan di-Raja sebagai Sultan dalam negeri Baginda lebih daripada \$18,000.00 akan menerima Peruntukan di-Raja yang sama banyaknya dengan Peruntukan di-Raja Baginda di-negeri Baginda. Sekianlah sahaja saya mencadangkan Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua.

¹D.Y.M.M. Tengku Mahmud ibni Sultan Ismail Nasiruddin Shah.